

## *Penggunaan Rutin Berfikir Tumpuan untuk Pengajaran Kata Nama*

**Rosela Hashim**

rosela\_hashim@moe.edu.sg

**Nuradilah Abdul Wahid**


nuradilah\_abdul\_wahid@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Fengshan

### *Abstrak*

Pembelajaran kata nama merupakan salah satu aspek yang penting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pembelajaran kata nama ini menjadi mencabar apabila murid mempunyai penguasaan kosa kata yang terhad. Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan pengetahuan murid-murid mengenai ciri-ciri kata nama. Kajian ini juga menggunakan pendekatan rutin berfikir Tumpuan supaya murid-murid dapat meningkatkan kemahiran berfikir untuk memberikan kata nama yang lebih tepat. Subjek kajian terdiri daripada dua puluh lima orang murid Darjah 2. Dapatkan kajian menunjukkan 100% murid dapat menjawab kesemua soalan dengan tepat. Dapatkan ini menunjukkan guru boleh menggunakan pendekatan yang lebih sistematik untuk membantu murid mempelajari kata nama dengan lebih efektif.

Kata Kunci: kata nama, rutin berfikir, kemahiran berfikir, sistematik, kosa kata terhad



## PENGENALAN

Rutin berfikir merupakan suatu alat berfikir yang menggalakkan murid-murid untuk berfikir secara kritis dengan bimbingan guru. Pendekatan ini menggalakkan murid-murid supaya berfikir dengan lebih mendalam mengenai sesuatu perkara. Namun, mereka dibenarkan untuk mengubah catatan pendapat mereka semasa pembelajaran dijalankan apabila informasi baharu diperkenalkan dan meneliti informasi tersebut sebelum membuat rumusan.

*Visible Thinking* oleh Project Zero menekankan bahawa kemahiran dan keupayaan seseorang itu boleh terus dikembangkan dalam pembelajaran. Malah, ia boleh dicapai jika seseorang itu terus bersikap positif dalam setiap situasi yang memerlukannya untuk berfikir secara kritis. Seringkali, guru mendapati bahawa murid-murid tidak berupaya untuk berfikir dengan mendalam. Hal ini sekali gus menghambat pembelajaran mereka. Justeru, penggunaan rutin berfikir dalam pembelajaran melibatkan ketiga-tiga aspek penting, iaitu kemahiran, sikap positif dan kepekaan dalam membentuk pemikiran kritis perlu diterapkan.

Menurut Jen Griffith (2014), seorang guru di sebuah sekolah antarabangsa Harding University Partnership School menyatakan bahawa rutin berfikir Tumpuan membantu murid-murid untuk mendapatkan gambaran yang lebih baik mengenai apa yang dipaparkan. Mengikut rutin yang diamalkannya, beliau membenarkan murid-murid mengubah hipotesis mereka dan berfikir dengan mendalam sebelum membuat keputusan akhir. Hal ini membuktikan bahawa rutin ini membimbing murid-murid untuk lebih berdikari dalam membuat keputusan.

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam proses pembelajaran kata nama, guru-guru sering berhadapan dengan cabaran untuk mengenalkan konsep kata nama kepada murid-murid. Hal ini berlaku kerana kosa kata murid-murid terhad. Walaupun murid-murid telah diajar tentang konsep kata nama sejak darjah 1, pemahaman mereka masih belum kukuh. Berdasarkan dapatan tersebut, satu usaha telah dilakukan untuk menggunakan rutin berfikir tumpuan bagi membantu murid mengatasi masalah ini. Pendekatan ini juga bertujuan untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menggalakkan murid berfikir secara lebih kritis.



## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan murid mengenal pasti penggunaan kata nama yang tepat;
2. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir Tumpuan dalam pengajaran kata nama; dan
3. mewujudkan budaya berfikir dalam kelas.

## **KAJIAN LEPAS**

Nelson Goodman, seorang ahli falsafah di *Harvard Graduate School of Education*, mempelopori Projek Zero pada tahun 1967. Projek Zero mengkaji tentang *Visible Thinking*, suatu pendekatan menjadikan pemikiran jelas dan nyata. Pada tahun 2011, Ritchhart bersama rakan-rakannya Mark Church dan Karin Morrison telah menerbitkan buku *Making Thinking Visible* yang memuatkan lebih daripada 20 rutin berfikir. Rutin-rutin berfikir digunakan untuk membimbing murid-murid mencatat hasil pemikiran mereka dengan jelas. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan rutin berfikir amat berkesan dalam pembelajaran dalam bilik darjah. Di Singapura terdapat kajian yang telah dijalankan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Farhati Kamsani dan Nur Ain Mohamed Amin (2016). Kajian mereka menerapkan penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya bagi pengajaran interaksi lisan berdasarkan gambar. Dapatkan kajian mereka menunjukkan penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya telah dapat membantu murid-murid mereka berfikir secara kritis dan kreatif.

Capuano,E. (2013) pula telah menggunakan rutin berfikir Tumpuan dalam kelasnya. Beliau memperkenalkan rutin ini dalam pembelajaran seni lukisan. Murid-murid beliau berfikir secara terbuka dan fleksibel apabila diberikan informasi yang terhad. Mereka memainkan peranan sebagai penyiasat dan mentafsir imej yang ditunjukkan sebelum membuat rumusan secara individu dan berkumpulan.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Subjek Kajian**

Dalam kajian ini, subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 2 Bahasa



Melayu yang berada pada praaras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid-murid yang terlibat ialah 25 orang. Kumpulan ini dipilih sebagai subjek kajian untuk meningkatkan kemahiran berfikir murid dalam mengenal pasti kata nama tertentu berdasarkan gambar.

### Instrumen Kajian


Instrumen kajian merupakan rutin berfikir Tumpuan. Rutin ini diharapkan dapat membantu mereka berfikir dengan lebih kritis dan sistematik berdasarkan imejan yang didedahkan. Keupayaan murid dinilai melalui jawapan-jawapan yang diberikan berdasarkan soalan-soalan yang tertera dalam templat rutin berfikir Tumpuan tersebut. Kemudian, tugas kerja berkumpulan diberikan untuk memberi peluang kepada murid menggunakan kemahiran berfikir yang dipelajari. Kertas penilaian diberikan kepada murid-murid pada akhir pengajaran.

**Rajah 1: Contoh Templat Rutin Berfikir Tumpuan**

Rutin Berfikir: Tumpuan					
Nama: _____ Tarikh: _____					
Arahan: Teliti imejan yang akan ditunjukkan secara bertahap-tahap. Kemudian, lengkapkan petak di bawah ini mengikut arahan guru.					
1. Apa yang awak lihat atau nampak?	2. Apa yang awak faham?	3. Apakah perkara baharu yang awak lihat?	6. Apakah soalan yang awak ada?	5. Adakah gambar baru menukar jawapan awak?	4. Apakah yang berbeza sekarang?

### Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan secara berperingkat. Tiga sesi intensif telah dijalankan untuk memastikan murid-murid dapat menyesuaikan diri dengan penggunaan rutin



berfikir Tumpuan. Sepanjang sesi tersebut, murid-murid dilatih menggunakan rutin berfikir tumpuan berdasarkan beberapa imejan. Dengan menggunakan rutin ini, murid-murid dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir mereka dengan lebih baik. Murid-murid dibimbing melengkapkan tugas dengan bantuan soalan-soalan tertentu.

Peringkat seterusnya merupakan tugasan berkumpulan. Murid-murid dikehendaki memilih gambar yang berkaitan dengan tema dan menuliskan kata nama yang bertepatan dengan gambar-gambar tersebut. Hal ini bukan sahaja menilai keupayaan murid-murid untuk memilih kata nama yang tepat berdasarkan tema, namun memberi peluang kepada murid-murid untuk berfikir secara kritis dalam pemilihan kata nama yang tepat.

Peringkat terakhir merupakan aktiviti pengukuhan agar murid-murid dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir mereka dengan memilih kata nama yang tepat. Murid dikehendaki melengkapkan kertas latihan secara kendiri.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan terhadap keupayaan murid-murid mengenal pasti kata nama yang tepat. Kesemua 25 orang murid mampu memilih jawapan yang tepat selepas mengikuti proses pembelajaran yang disarankan. Rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Contoh 1 Hasil Kerja Murid

Arahan: Gambar di Powerpoint akan ditunjukkan satu persatu. Tuliskan jawapan awak di dalam kotak ini mengikut arahan guru.

1. Apa yang awak lihat atau nampak?  
minuman belgas

2. Apa yang awak faham?  
makanan yang manis

3. Apakah perkara baharu yang awak lihat?  
Ada makanan yang befminyak

4. Apakah yang berbeza sekarang?  
Ada makanan snek juga.

5. Adakah gambar baharu menukar jawapan awak?  
Tidak.


6. Apa soalan yang awak ada?  
Bolehkah kita makan makanan yang tidak sihat?



Hasil yang sama turut dapat diperhatikan dalam kerja berkumpulan. Kesemua murid dapat memilih memberikan kata nama tepat bagi makanan yang berkhasiat. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid dapat meneliti ciri-ciri objek yang diberikan sebelum memberikan jawapan. Rujuk Rajah 3.

Bagi latihan secara individu pula, kesemua murid dapat menjawab soalan dengan tepat. Selain meneliti gambar, mereka juga harus memadankan frasa pada ayat yang diberikan dengan kata nama tertentu.


### Rajah 3: Contoh 2 Hasil Kerja Murid



Berdasarkan latihan individu kesemua murid dapat menjawab soalan dengan tepat setelah melalui proses pembelajaran dengan menggunakan rutin berfikir Tumpuan untuk mengenal pasti kata nama. Contoh soalan bagi latihan praujian dapat dilihat seperti berikut:

Ibu menggunakan sebuah \_\_\_\_\_ untuk **menggoreng mi**. (kuali /periuk)

Guru mengharapkan agar murid-murid dapat mengenal pasti frasa 'menggoreng mi' sebagai pembayang dalam memilih jawapan kata nama 'kuali'. Namun, murid-murid tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Malah, murid juga tidak dapat mengecam frasa yang boleh memberikan klu untuk mendapatkan jawapan. Hal ini didapati berbeza setelah murid-murid diajarkan kepentingan mengenal pasti ciri-ciri kata nama dalam ayat. Contoh soalan bagi




latihan pascaujian dapat dilihat seperti berikut:

Ramai orang **suka minum** \_\_\_\_\_ yang berkhasiat. (jus oren /limau)

Murid-murid dapat memilih kata nama yang tepat, iaitu ‘jus oren’. Mereka dapat mengenal pasti frasa ‘suka minum’ sebagai pembayang. Mereka dapat berfikir secara kritis bahawa ‘limau’ bukanlah sesuatu untuk diminum berbanding dengan ‘jus oren’.


**Rajah 4: Peratusan Perbezaan Markah antara Praujian dengan Pascaujian**



Dapatkan ini menunjukkan guru dapat membina cara murid membuat penelitian sebelum memilih kata nama yang tepat dengan menggunakan rutin berfikir Tumpuan.

## KESIMPULAN

Guru harus bijak memilih dan menggunakan pendekatan yang sesuai dalam pembelajaran bagi mengasah kemahiran berfikir secara kritis dalam kelas. Ini dilakukan untuk memastikan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Kesimpulannya, dengan adanya pendekatan rutin berfikir Tumpuan, guru dapat membantu murid berfikir secara kritis dalam membuat keputusan kendiri bagi memilih kata nama yang tepat. Bagi memastikan murid-murid dapat mengaplikasikan rutin ini dalam pembelajaran mereka, guru harus memberikan pendedahan yang lebih kerap terutama sekali apabila rutin itu pertama



kali digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Muhammad Faizal Sumono

## **RUJUKAN**

Capuano, E. (2013). *Visible thinking zoom In activity* . Diperolehi pada 22 Januari, 2018 dari Prezi: <https://prezi.com/wb6qdttr4img/visible-thinking-zoom-in-activity/>

Farhati Kamsani, & Amin, N. A. (2016). Penggunaan rutin berfikir dan iMTL untuk menggalakkan pembelajaran kendiri . Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu: Menjana Inovasi Memarak Inspirasi hlm. 429-440. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Griffith, J. (2014). *Zoom In: A Thinking Strategy*. Diperolehi pada 22 Januari, 2018 dari SBUnified's Digital Literacy Coach and Integrator Blog: <http://ilearn.sbusunified.org/zoom-in-a-thinking-strategy/>

Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.



494

Seminar Bahasa Melayu 2018